



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**6 Jun 2023
17 Zulkaedah 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Penyu agar ditemukan mati akibat perbuatan khianat
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Disangka hidup, rupanya sudah mati
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Penyu mati dipercayai sengaja dibunuh• Jangan sentuh ubur-ubur 'biru'
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		32	6/6/2023

Penyu agar ditemukan mati akibat perbuatan khianat

KUALA TERENGGANU: Ke-terujaan seorang wanita melihat seekor penyu di Pantai Pandak dekat Chen-dering di sini bertukar se-dih apabila penyu tersebut ditemukan mati.

Nor Shazwa Samnuri, 27, dari Bukit Payong, Ma-rang, berkata, dia meli-hat seekor penyu berada di pesisir pantai tersebut kira-kira pukul 4 petang kelmarin.

Bagaimanapun kata-nya, dia kemudian terus mendekati penyu tersebut dan terkejut apabila men-dapati ia adalah bangkai reptilia itu.

"Ini kali pertama saya dapat melihat penyu, na-mun tak sangka pula ia telah mati.

"Paling saya sedih sebab tengok cengkerang penyu itu pecah dan kaki-nya diikat dengan batu, seolah-olah sengaja mahu ditenggelamkan, dibiarkan mati.

"Saya sempat ambil beberapa keping gambar sebagai bukti penemuan tersebut untuk rujukan pihak yang bertanggung-jawah," katanya ketika di-hubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Uni-versiti Malaysia Tereng-ganu (UMT), Prof. Madya Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, berdasarkan gambar yang tular, penyu tersebut adalah spesies agar.

"Berdasarkan corak pada badan, nampak macam masih muda, na-mun jantina sukar dipasti-kan kerana tiada pemerik-saan fizikal.

"Kematian akibat khi-anat bukan kali pertama berlaku kerana sebelum ini ada kes penyu yang diikat dengan batu, malah ada kes kesan toreh di baha-gian perut," katanya.

Sehubungan itu be-liau berharap perkara ini dipandang serius semua pihak.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			18	6/6/2023

Disangka hidup, rupanya sudah mati

KUALA TERENGGANU — Ke-terujaan seorang wanita bertemu penyu buat pertama kali bertukar sedih apabila mendapati reptilia itu sebenarnya telah mati di Pantai Pandak, Chendering, di sini kelmarin.

Nor Shazwa Samnuri, 27, berkata, dia dan ahli keluarganya yang bersiar-siar di pantai perancangan tersebut pada mulanya terkejut apabila melihat kelibat seekor penyu agar di sisi pantai dari jauh.

"Saya teruja kerana ini pertama kali bertemu penyu, namun alangkah sedihnya apabila men-

Paling menyedihkan keadaan cengkerangnya sudah pecah manakala keempat-empat kakinya pula terikat dengan batu."

dapati ia sudah mati.

"Paling menyedihkan keadaan cengkerangnya sudah pecah, manakala keempat-empat kakinya terikat dengan batu."

Saya sedih bercampur marah kerana penyu yang merupakan

spesies terancam diperlakukan begitu," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Madya D Mohd. Uzair Rusli berkata, berdasarkan corak pada badan, reptilia itu masih muda dan belum matang.

"Begitupun, jantinya suka dipastikan berikutan keadaan fizikalnya. Saya kesal kerana perbuatan khiahat mengikat penyu dengan batu bukan kali pertama berlaku," ujarnya.



KEADAAN bangkai penyu agar yang ditemui Nor Shazwa di Pantai Pandak, Chendering, Kuala Terengganu kelmarin.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	25	6/6/2023

Penyu mati dipercayai sengaja dibunuh

Kaki kanan reptilia itu diikat dengan batu seolah-olah sengaja ditenggelamkan

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Seorang wanita terkejut apabila menemukan bangkai seekor penyu dalam keadaan kaki pendayung sebelah kanan terikat pada batu di Pantai Pandak Chendering di sini pada petang Ahad.

Nor Shazwa Samnuri, 27, berkata, pada mulanya dia teruja kerana menyangka objek yang ditemui itu adalah seekor penyu yang masih hidup.

"Dari jauh saya ter-nampak satu objek seperti guni. Saya terus beritahu ayah yang kebetulan ada bersama di pantai. Sebaik sahaja lihat objek tu ayah kata ia adalah penyu.

"Bagaimanapun, sebaik sahaja kami mendekati objek itu, kami terkejut sebab tak sangka penyu itu rupa-rupanya telah mati," katanya yang berasal dari Bukit Payong, Marang.

Menurut Nor Shazwa, ini adalah pengalaman pertama dia melihat penyu dan tidak dapat menahan kesedihan kerana mendapati haiwan itu seolah-olah sengaja dibunuh kerana terdapat tali yang diikat pada batu.

"Saya sedih sebab tengok ceng-



Seekor penyu dipercayai daripada spesies agar ditemukan mati dengan kaki pendayung hadapan sebelah kanan terikat pada batu di Pantai Pandak Chendering di Kuala Terengganu.



MOHD UZAIR

kerang penyu itu pecah dan kakinya (pendayung hadapan kanan) diikat dengan batu, seolah-olah sengaja mahu ditenggelamkan dan dibiarkan mati," katanya ketika dihubungi di sini pada Isnin.

Sementara itu, Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli berkata, berdasarkan gambar yang ditunjukkan, penyu itu dipercayai dari spesies agar.

"Jika dilihat corak pada badan, nampak penyu itu masih muda namun jantainya sukar dipastikan kerana tiada pemeriksaan fizikal," katanya.

Ujar beliau, kematian penyu akibat

perbuatan khianat bukan kali pertama berlaku kerana sebelum ini terdapat kes yang sama berlaku.

"Sudah ada kes penyu mati yang diikat dengan batu, ada juga kes kesan toreh di bahagian perut penyu betina dipercayai kerana mahu mengambil telurnya.

"Sekiranya terjumpa penyu tersangkut atau mati di laut, ia boleh dibawa balik ke pangkalan dan hubungi Jabatan Perikanan agar bangkai itu boleh dilupuskan dengan baik," jelas beliau.

Menurut Mohd Uzair, kerjasama itu diperlukan bagi mengenal pasti punca kematian spesies hidupan marin itu yang kini semakin diancam kepupusan.

"Penting untuk kita dapatkan bangkai penyu untuk kita buat autopsi bedah siasat cari punca kematian penyu itu," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	24	6/6/2023

Jangan sentuh ubur-ubur 'biru'



Seorang pemilik Facebook 'Che Su' Marlia turut berkongsi gambar ubur-ubur yang ditemui.

Pantai Sepat di Kuantan merupakan salah satu lokasi yang dikesan kehadiran ubur-ubur berwarna biru seperti tular di Facebook.

Orang ramai diminta waspada kerana haiwan itu mungkin daripada spesies berbahaya

Oleh NORAWAZNI YUSOF Kuantan

Jabatan Perikanan Pahang menasihati orang ramai supaya berwaspada dan tidak menyentuh obor-obor berwarna biru yang ditemui ketika beriadah di pantai kerana dibimbangi ia daripada spesies berbahaya.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, pihaknya masih belum mengenal pasti dan mengesahkan spesies haiwan terbabit selepas beberapa gambar tular di Facebook.

"Kita tidak boleh mengesahkan (ubur-ubur) tanpa sampel sebenar bagi mengenal pasti spesies berbahaya.

"Jadi, kita nasihatkan pengunjung-pengunjung pantai supaya tidak menyentuh ubur-ubur dan menjauhi kawasan berkenaan serta elakkan bermain air atau mandi-manda di kawasan berdekatan haiwan tersebut," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Sebelum ini, tular beberapa keping gambar ubur-ubur yang dikatakan berwarna 'biru' oleh



ABDULLAH

“

Jadi, kita nasihatkan pengunjung-pengunjung pantai supaya tidak menyentuh ubur-ubur dan menjauhi kawasan berkenaan serta elakkan bermain air atau mandi-manda di kawasan berdekatan haiwan tersebut.”

pengguna Facebook melalui grup Kuantan dan Warga Kuantan 2.

Mereka memaklumkan penemuan ubur-ubur itu di beberapa pantai peranginan seperti Pantai Kempadang, Pantai Sepat, Pantai Cherating, Pantai

Cempaka dan Pantai Lagenda.

Sinar Harian turut melakukan tinjauan di Pantai Sepat dan Pantai Kempadang, namun tidak menemui spesies haiwan seperti yang tular.

Ditanya mengenai spesies ubur-ubur yang dirakamkan

pengguna Facebook, Abdullah memaklumkan ia mungkin spesies *Physalia physalis* (*Portugese Man o' War*) dari kelas *Hydrozoa*.

Tegasnya, namun ia perlu diteliti sampel sebenar bagi mengesahkan kesahihan spesies terbabit.

"Kita kena elak kawasan itu. Sangat berisiko jika ia adalah ubur-ubur *Hydrozoan jellyfish* atau *Portugese Man o' War* dan *Cubozoan jellyfish* atau juga dikenali *Box jellyfish*.

"Spesies ini sengatannya sangat beracun dan boleh mendatangkan kesan kecederaan teruk atau sehingga kematian.

"Orang ramai digesa segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan sekiranya terkena sengatan," katanya.